



Adnan Mat

## Majikan perlu sedia kemudahan lengkap jayakan BDR

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dan majikan swasta perlu menyediakan kemudahan seperti internet dan komputer riba, bagi menjayakan cadangan bekerja dari rumah (BDR) seperti yang diutarakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata kemudahan dan persekitaran seperti yang dimik-mati oleh pekerja di pejabat perlu disediakan, bagi menjayakan konsep BDR berkenaan bagi memastikan hasil dan produktiviti dapat dicapai.

"Tiada gunanya jika kita melaksanakan konsep BDR, jika hasil atau produktiviti yang kita harapkan tidak dapat dicapai akibat persekitaran kerja yang tidak sesuai, kerana akhirnya pekerja dipersalahkan kerana tidak mencapai produktiviti yang ditetapkan.

"Sekiranya konsep ini mahu diperkenalkan pada masa akan datang, ia perlu dirangka dengan pendekatan menyeluruh, agar tidak menjadi sia-sia," katanya, semalam.

Kelmarin Muhyiddin dilaporkan meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM), untuk menilai cadangan memperluas kemudahan BDR untuk sektor awam dan swasta dengan gaji penuh, bagi penjagaan ahli keluarga yang uzur dan sakit serta menyokong isteri dalam hal penjagaan anak baharu lahir.

Menyifatkan cadangan berkenaan sebagai memberikan sinar baharu kepada golongan wanita, Adnan turut meminta agar JPA dan KSM membuat penilaian segera terhadap cadangan berkenaan.

Katanya, langkah berkenaan dapat meningkatkan produktiviti negara dengan pembabitan lebih ramai wanita, dalam pasaran buruh.

"Berdasarkan statistik semasa, jumlah penyertaan tenaga buruh membabitkan wanita hanya sekitar 55.3 peratus, berbanding 80.7 peratus golongan lelaki dan ini satu jurang yang sangat besar," katanya.